



BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 13 (2), Dis, 2023

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

MINDA PENGERUSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 اللَّهُ أَكْبَرُ

Tahun 2023 akan melabuhkan tirainya. Tidak berapa lama lagi tahun baru 2024 akan menemui kita. Sepanjang setahun Persatuan Pesara UKM lalui penuh dengan suka duka. Sedar atau tidak rakan-rakan kita yang dulu sama-sama bertugas di UKM, seorang demi seorang meninggalkan kita menemui Ilahi dan ada yang dalam kezuruan. Namun mereka tidak mudah dilupakan, kerana mereka yang meninggal dan uzur sentiasa diziarahi dan disantuni.

Yang pergi tetap pergi, kita doakan agar roh mereka sentiasa di lindungi Allah SWT. Kita, ahli-ahli yang masih bernafas akan terus menjalani aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Ternyata setelah berakhirnya wabak Covid 19, yang melanda negara ini dan seluruh dunia, boleh disimpulkan kegiatan Persatuan Pesara UKM berjalan dengan lebih rancak. Kegiatan yang lumrah kita adakan antaranya sambutan Majlis Hari Raya yang telah diadakan di Dewan Gemilang, UKM. Pada kali ini, sambutan Hari Raya diadakan bersekali dengan Mesyuarat Agung Persatuan.

Selain itu aktiviti-aktiviti lawatan yang dikendalikan oleh Biro Riadah yang diketuai oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya terus diadakan. Tempat yang dilawati antaranya ialah Atuk Farm, di Nilai, Negeri Sembilan, lawatan ke Pesantren dan Rumah orang-orang Tua di Bandung selama 4 hari. Terakhir lawatan sehari ke Kitchen Garden dan Ladang Anggur di Lekir, Sitiawan, Perak. Kepada Ahli yang berminat dalam sukan Golf, beberapa tempat telah di atur iaitu, bermain golf di Bandung dan di Pekan Baru, Riau, Sumatera.

Program Ziarah Kasih/Jejak kasih anjuran bersama Persatuan Pesara UKM dan PAWE yang diketuai oleh Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsuddin, telah menggerakkan aktiviti ini sejak awal tahun 2023 hingga kini. Ramai bekas kakitangan UKM dan waris mereka yang telah diziarahi. Tumpuan diberikan kepada pesara yang uzur dan waris yang meninggal dunia. Sedikit buah tangan dan wang sagu hati disampaikan dan di samping itu bacaan doa selamat/tahlil ringkas diadakan semasa kunjungan. Bagi yang meninggal, wakil Persatuan juga mengedarkan borang-borang berkaitan kepada waris yang layak seperti borang Tuntutan Menguruskan Jenazah dan Pencen Terbitan kepada waris untuk diuruskan. Ziarah ini tidak sahaja tertumpu pada ahli Persatuan. Dalam masa yang sama secara tidak langsung dapat menambahkan aktiviti silaturahim antara keluarga yang diziarahi dan ahli yang mengikuti program ini.

Persatuan juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengurusan UKM di bawah kepimpinan YBhg. Profesor Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman kerana memberi lebih peluang

kepada Persatuan/PAWE dalam aktiviti-aktiviti mereka. Juga menambah baikkan perkhidmatan/kebajikan kepada para pesara UKM. Umpamanya menambahbaikkan sistem perkhidmatan rawatan kesihatan di HCTM untuk pesara UKM dari masa ke masa. Kemudian baru-baru ini memperkemaskan penggunaan kad pesara yang sedia ada.

Akhir sekali saya juga mengalu-alukan dan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Malaysia yang di bawah kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang terus memberi jaminan bahawa pesara kaki tangan awam akan terus diberi bayaran pencennya dan bayaran RM1000.00 pada akhir tahun ini dan kemudahan-kemudahan yang lain. Pihak Kerajaan yang menghargai khidmat bakti para pesara yang turut sama memainkan peranan penting membangunkan negara ini, sekali lagi ucapan terima kasih diberikan.

Sekian, insya Allah kita akan berjumpa lagi pada tahun hadapan. Semoga Allah memberikan kesihatan yang baik kepada semua ahli Persatuan Pesara.

**AHLI JAWATANKUASA
PERSATUAN PESARA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
SESI 2023-2025**



DUDUK DARI KANAN : Dato Haron Bintang (*Penolong Setiausaha*); Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhamad Yahaya (*Ketua Biro Riadah dan Lawatan*); Abd. Talib Harun (*Setiausaha*); Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali (*Pengerusi*); Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin (*Timbalan Pengerusi*); Rosenaini A. Saman (*Bendahari*); Salmah Kasmani (AJK)

BERDIRI DARI KANAN : Dato' Dr. Ibrahim Jantan (AJK); Dr. Mansor Jusoh (*Juruaudit*); Dr. Misran Rokimin (*Ketua Biro Penerbitan dan Penerangan*); Dr. Amran Ab. Majid (*Ketua Biro Kebajikan*); Sabli Ibrahim (*Juruaudit*); Dr. Kaswandi Md. Ambia (AJK); Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din (AJK).

BIRO RIADAH DAN LAWATAN



16-20 Julai 2023, kunjungan ke Pondok Pesantreen Al Ashr Al_Madani di Bandung serta group golf pada 19-23 Julai 2023.

Lawatan ke Pekan Baru , Riau telah sempurna dilakukan pada 1-5 Okt 23 . Seramai 10 orang hadir dalam lawatan ini . Para peserta di bawa melawat istana sultan siak , dan membeli belah. Pemain golf juga Bermain di Labersa Golf Club.





Aktiviti gigong , senamrobik dan sinar putih masih diteruskan bertempat di Taman Tasik Cempaka setiap pagi Sabtu..



Lawatan ke Bogor , Indonesia , telah dilakukan pada 19-23hb Nov 23. Seramai 18 orang hadir dalam lawatan ini. Para pesertà melawat taman botanikal , dan membeli belah. Pemain golf juga Bermain di Bogor Raya Golf Club, Gunung

Gerlius dan
Rainbow Hill
Golf Club



BIRO KEBAJIKAN

Ziarah Kasih dan Jejak Kasih

Aktiviti ini dilaksanakan kepada ahli juga kepada yang bukan ahli Persatuan Pesara UKM. Ziarah diketuai oleh Y.Bhg Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin, Timbalan Pengerusi, Persatuan Pesara UKM merangkap Pengerusi PAWE UKM. Ziarah terhadap waris yang meninggal dunia dimulakan dengan bacaan tahlil dan bagi yang ditimpa musibah acara akan melibatkan bacaan doa selamat. Bacaan doa dipimpin oleh Dr. Kaswandi Mohd. Ambia. Persatuan turut menyampaikan sedikit sumbangan dan buah tangan kepada tuan rumah yang diziarahi. Ahli rombongan terdiri daripada AJK dan ahli Persatuan Pesara dan PAWE UKM. Penerangan bagi Borang Pengurusan Jenazah dan Pencen Terbitan juga diedarkan kepada waris semasa kunjungan ini.



Ziarah waris kepada Allahyarham Mohd. Isa Ibrahim pada 7 Jun 2023.



Ziarah kasih Dr. Abd. Rashid Johar pada 10 Jun 2023.



Ziarah waris kepada Allahyarham Dr. Ismail Abu Bakar pada 13 Jun 2023



Ziarah kasih Dr. Jariah Abdullah (mantan Pensyarah, Jabatan Kimia, FST) dan suami ustaz Rahman (mantan Pensyarah FPI) pada 25 Jun 2023



Mengiringi jenazah Allahyarham Houssaini Abd. Ghani (M) (PPU583) yang telah berpulang kerahmatullah pada 3 Julai 2023 serta menyampaikan sumbangan kepada waris Allahyarham.



Ziarah kasih Pn. Normala Samsudin (PPUKM 0285) mantan kakitangan FST di atas berpulangnya kerahmatullah anak lelaki beliau Allmarhum Mohd. Adam Umar Abd. Rahman pada 11 Julai 2023.



Ziarah kasih keluarga kepada Allahyarham Mejar Bersara Basry Adam, suami kepada Dr. Norhani Mohidin (Optometri) pada 14 Julai 2023.



Ziarah kasih keluarga Almarhumah Puan Raja Khuzaidah Raja Abdul Razak pada 16 Julai 2023.



Ziarah kasih Sdr. Ismail, suami kpd Pn Mastura Itam
(PP0415) mantan Jabatan Kimia, FST, FSSK dan Jabatan Pendaftar pada 28 Julai 2023. Nota : Allahyarham Ismail meninggal dunia kemudiannya pada 19 Nov., 2023.



Ziarah kasih keluarga kepada Almarhum Dr. Saidi Moin (mantan pensyarah FST) pada 16 Julai 2023.





Ziarah kasih Prof. Emeritus Dr. Bohari Yamin
(mantan pensyarah Jbt. Kimia, FST) pada 5 Ogos 2023.



Ziarah Kasih Ir. Jamal Satap (mantan kakitangan JPP) pada 8 Ogos 2023




**Ziarah kasih sdr
Kasamani Pardan**
(mantan kakitangan
Jbt. Kimia FST) pada 10
Ogos 2023



Ziarah kasih Sdr.Abu Hashim Abdol Ghapar (PP0206) (mantan kakitangan JPP) pada 10 Ogos 2023.



Ziarah kasih serta menyampaikan sumbangan(±RM2940.00 : sumbangan daripada ahli Persatuan) kepada Puan Faridah Jaffar (PP0199) (balu En. Mohd. Mustaffa Mokhtar, di mana sebahagian besar rumah beliau telah terbakar. Ziarah diadakan pada 11 Ogos 2023.



Gambar sebahagian ruang rumah yang terlibat dalam kebakaran.



Ziarah Kasih Drs. Mohd. Malek Yusof (mantan pensyarah Jbt. Matematik). Beliau menghidap berbagai-bagi komplikasi kesihatan pada 11 Ogos 2023.





Ziarah kasih keluarga kepada Almarhum Idris Yahaya (mantan kakitangan Jbt. Bendahari) pada 24 Ogos 2023.



Ziarah kasih keluarga kepada Almarhum Jani Isa (mantan kakitangan Unit Kenderaan) pada 24 Ogos 2023.



Jejak Kasih Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Mohamed Salleh bin Mohamed (Mantan Naib Canselor UKM) pada 27 Ogos 2023.





Ziarah kasih keluarga kepada Almarhumah Asriah Yusuf (PP0338) (mantan kakitangan FST dan FPI) pada 6 September 2023.

Perancangan awal Biro pada awalnya untuk ziarah Almarhumah semasa ada hayatnya, tetapi sering tergendala kerana tahap kesihatan Almarhumah yang tidak mengizinkan. Akhirnya kami hanya sempat hadir semasa hari pengkebumian Almarhumah di Shah Alam.



Ziarah kasih keluarga kepada Almarhum Dr. Mohamed Saleh Lamry (PP0390) pada 6 September 2023.

Perancangan awal Biro telah merancang untuk ziarah Almarhum semasa ada hayatnya, tetapi sering

tergendala kerana tahap kesihatan Almarhum yang tidak mengizinkan. Akhirnya kami hanya sempat menziarahi isteri Almarhum di kediamannya kerana urusan pengkebumian sedang berlangsung di Sg. Kantan pada masa itu dan kami pula baru sampai setelah menziarahi pengebumian Almarhumah Asriah di Shah Alam pada hari yang sama.



Ziarah Kasih Puan Noraini Nasir (PP0047) pada 12 Sept., 2023. Puan Noraini juga selepas itu menjalani operasi lutut. Beliau juga telah kehilangan suami tercinta pada beberapa tahun sebelum ini.



Ziarah kasih keluarga kepada Allahyarham Md Yunus Samat, suami kepada Puan Kartini Mohd.Noor (PP0045) (mantan kakitangan Jbt. Pendaftar) pada 12 September 2023.





Ziarah kasih Sdr. Johar bin Puteh (PPP0576) dan Sdr. Shahrol Hamzah (PP0123) (mantan kakitangan Jbt. Kimia) pada 12 Sept., 2023.



Ziarah kasih Dr. Abdul Hamid Othman (slip disc) pada 16 September 2023.



Ziarah kasih keluarga Allahyarhamah Norhayati Aris
(anak kepada Sdr. Aris Isa (mantan kakitangan Pengurusan Harta) dan Puan Noriah



Mohd. Amin (mantan kakitangan FSKK) pada 10 Oktober 2023.



Ziarah kasih keluarga Allahyarhamah Zubaidah Manan
(mantan kakitangan HEP) isteri kepada Sdr. Kamaruddin Abdollah
(mantan kakitangan



Jbt. Pendaftar). Pada 0 Oktober 2023. Nota: Sdr. Kamaruddin juga sedang uzur. Di samping itu seorang lagi anak mereka ditimpa kemalangan jalan raya (patah 5).



Ziarah kasih Puan Rokian Yasin (ahli PPUKM179) mantan staff Jabatan Fizik, FST pada 31 Okt., 2023.



Ziarah kasih Dr. Samad Hadi (mantan TNC) pada 14 Nov., 2023.



Persatuan juga mengucapkan takziah kepada beberapa ahli dan bukan ahli persatuan:

- Kepada YB Dato Wira Omar Jaafar (PPU0002 yang) pada 28 Ogos 2023 di atas berpulangnya kerahmatullah isteri beliau Datin Zaleha Putih. Ziarah kepada waris belum dapat dilaksanakan memandangkan tahap kesihatan YB Dato Wira Omar sendiri pada masa ini belum mengizinkan.
- Waris keluarga Allahyarham Dr. Umar Hamzah (mantan Pensyarah FST).
- kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Emeritus Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (mantan Naib Canselor UKM dan Dato' Dr. Mahmud Mohd. Nor (mantan Dekan, Fakulti Perubatan, UKM) di atas berpulangnya ke rahmatullah anakanda beliau Allahyarhamah Muhamaini Mahmud.
- Puan Rusmini Ahmad (mantan kakitangan Pusat Kesihatan) di atas berpulangnya ke rahmatullah suami beliau Allahyarham Asrul Anwar Shaari@Md. Shaari (mantan kakitangan Perpustakaan).
- Waris YM Tengku Ahmad Tajudin (mantan Pegawai Sains Perubatan).

PENGLIBATAN PERSATUAN DENGAN ACARA-ACARA LAIN

DEBAT PERDANA MADANI 2023

Tarikh : 21 Ogos 2023 (Isnin)

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Dewan Canselor Tun Abdul Razak



Dianjurkan oleh Pusat Strategi UKM. Majlis dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan menampilkan cendekiawan dari dalam dan luar negara.

21 Ogos 2023; 8.30 pagi – 5.00 petang bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak.

Seramai lebih kurang 18 orang wakil Pesara/PAWE telah hadir.

10.15 pagi	Pembentangan 1 Tajuk: <i>MADANI in The Context of Modernity</i> Prof. Dr. Recep Senturk Dekan, College of Islamic Studies, Hamad Bin Khalifa University, Qatar
10.35 pagi	Pembentangan 2 Tajuk: <i>Memberi Makna Kepada Sebuah Negara MADANI</i> Prof. Dr. M. Din Syamsuddin Guru Besar Politik Islam Global, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta
10.55 pagi	Pembentangan 3 Tajuk: <i>Peranan Cendekiawan Dalam Membangun Bangsa MADANI</i> Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh
11.15	Sesi soal jawab
11.30 pagi	Ucap tama Perasmian Y.A.B Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia
12.00 tengahari	MakanTengahari/Rehat
2.30 petang	Forum Malaysia MADANI Tajuk: <i>Merealisasikan Negara Madani: Cabaran Dalam Malaysia Yang Majmuk</i> Moderator: Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar Panel: 1. Dato'Dr.Madeline Berma Felo, Akademi Sains Malaysia 2. Prof. Dr. Mohd Faiz Abdullah Pengerusi, Instituteof Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia 3. Prof.Dr.Khairudin Aljunied Profesor, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya 4. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian. Pensyarah Sosiologi Politik, Universiti Sains Malaysia
4.30 petang	Ucapan Penutup YBhg. Profesor Dato' Gs.Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia
5.00 petang	Minum Petang /Bersurai





Z

**PERSEMBAHAN ISTIMEWA DRPD PESARA UKM/PAWE UKM
sempena Sambutan Ambang Merdeka ke-66 Di peringkat UKM bagi tahun 2023**

Persatuan Pesara/PAWE telah di undang untuk mengisi salah satu acara pada majlis di atas. Sajak dan puisi yang disampaikan adalah hasil dari bengkel penulisan yang telah diadakan pada 15hb Ogos 2023 di bawah bimbingan Dr. Noriah Mohamad dan Dr. Misran Rokimin.

30 Ogos 2023 (rabu)
10 malam
Dataran Panggung Seni UKM

Otai masih berbisa.





SEMINAR
DASAR GAJI MINIMUM KE ARAH GAJI PROGRESIF DAN EKONOMI MADANI

8 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)
 9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
 DEWAN PERDANA FSSK
 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)
 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

PANELISTS

- PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. ANUWAR ALI
 Universiti Malaysia Sabah (UMS)
 Ahli Majlis Perundingan Gaji Negeri (MPGN)
- PROF. EMERITUS DATOK DR. ZAKARIAH ABDUL RAHIM
 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
 Muzium Negara (MNC) (MNC)
- DATC SRI MOHD UZI MAHEND
 REKA Cipta dan Inovasi Malaysia (RCIM)
 Jataku Pengembang Malaysia
- TUAN SYED SHAHRI SYED MOHAMAD
 Penyelidik
 Workers Institute of Management Selangor (WIMS)
- PENGARUH
 PROF. EMERITUS DATO' DR. ABIDIN MOHAMAD
 PENGETAHUAN DAN PENGARUH
 Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
- MODERATOR
 PROF. DR. SITY DAUD
 FRGS
 Promosi Sains dan Teknologi (PST) Fakulti Sains & Teknologi (FST), UKM

ANJURAN DAN KERJAMA
 Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
 Fakulti Sains & Teknologi (FST), UKM

SEMUA DIJEMPUT HADIR
 Sebarang pertanyaan, sila hubungi contact@pssm.org.my

LIVE

PERKHIDMATAN



PROF. DATO' DR. IBRAHIM JANTAN
TAHNIAH
 di atas pelantikan sebagai
 FELLO AKADEMIK SAINS MALAYSIA

Datin Dr. Zuriati Zakaria
TAHNIAH
 Di atas penilaikan sebagai
 FELLOW OF THE FEDERATION OF
 THE ASIAN CHEMICAL SOCIETIES
 (FACS)

Tahniah kepada YB Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Anuwar Ali, Pengurus Persatuan Pesara UKM yang telah di undang sebagai salah seorang ahli panel ke Seminar Dasar Gaji Minimum Ke Arah Gaji Progresif dan Ekonomi Madani pada 8 Sept., 2023 di Dewan Perdana FSSK.

Seminar anjuran bersama FSSK, UKM dan Persatuan Sains Sosial Malaysia.

BERITA-BERITA LAIN





TAHNIAH kepada YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Anuwar Ali di atas pelantikan Kluster dan Chapter Universiti Majlis Profesor Negara yang telah berlangsung pada 23 Ogos 2023. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pendidikan tinggi di Hotel Milleneum, Kuala Lumpur.

PROFESSOR EMERITUS



YBrs. DR. MANSOR BIN JUSOH
EKONOMI KEWANGAN DAN EKONOMETRIK

Dr. Mansor Jusoh dilahirkan di Kampung Cabang Tiga Bator, Jelawat, Kelantan. Beliau telah melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dan memperoleh Bachelor of Economics, kelas pertama (Statistik) pada tahun 1975. Pada tahun 1977, beliau dianugerahkan Master of Arts (Statistik) dari The Pennsylvania State University, Amerika Syarikat (AS), dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi) pada tahun 1985 dari Washington State University, AS. Dr. Mansor memulakan kerjaya sebagai tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1975 dan seterusnya sebagai pensyarah Jabatan Statistik Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan pada tahun 1977. Dr. Mansor dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1989 dan Profesor bidang ekonometrik dan ekonomi kewangan pada tahun 2001.

Dalam tempoh perkhidmatannya di UKM, Dr. Mansor memegang beberapa jawatan pentadbiran. Antaranya, beliau dilantik sebagai Penyelaras Fakulti Ekonomi (1980-1981), Ketua Jabatan Statistik Ekonomi (1985-1989 dan 1997-1999), Dekan Fakulti Ekonomi (1999-2004) ketika Fakulti Ekonomi dan Fakulti Pengurusan Perniagaan distruktur semula dan menjadi Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, dan Pengerusi Pusat Pengajian Ekonomi (2004-2007).

Bidang utama penyelidikan Dr. Mansor adalah ekonomi monetari dengan fokus kajian tentang inflasi, permintaan wang, ketahanan fiskal dan teori wang. Namun beliau juga menjalankan penyelidikan dalam ekonomi pengeluaran dengan tumpuan kepada aspek kecekapan teknik, ekonomi Islam, koperasi, dan pendidikan ekonomi. Antara penyelidikan yang telah disiapkan dan dimanfaatkan oleh beberapa kementerian ialah kajian pembentukan dasar koperasi negara dan pembentukan sistem amaran awal harga. Beliau juga mengkaji nilai ambang inflasi dan implikasinya terhadap kestabilan makroekonomi dan terhadap teori kuantiti.

Dr. Mansor aktif membantu pembelajaran ilmu ekonomi pada peringkat prauniversiti. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Kecil Kumpulan Sains Sosial JKMPM, STPM, Majlis Peperiksaan Malaysia (1989- 1991), Ketua Panel Penggubal Silibus Ekonomi STPM, dan anggota Panel Penggubal Silibus Matematik STPM, selain bertindak sebagai Timbalan Ketua Pemeriksa dan anggota Panel Penaksir Soalan STPM bagi mata pelajaran Ekonomi. Beliau juga adalah Ahli Panel Penaksir Soalan Mikroekonomi program Matrikulasi, Anggota Panel Penasihat Kursus Diploma dan Diploma Lanjutan Statistik, Kajian Sains Matematik dan Komputer (1991-1997), anggota Panel Penasihat Akademik Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, UiTM (2007-2009); Penyelaras Peperiksaan Khas Skim Perkhidmatan Jabatan Perangkaan Malaysia (1986-1999) dan Ahli Jawatankuasa Kerja Projek Penyelidikan Penggunaan Bahasa Melayu, Bahagian Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka (1988-1993). Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Panel IRPA Sektor Sosio-Ekonomi (2003-2006), Naib Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia (1999-2004) dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia (PETA) (1992-1994). Atas semangat, kejayaan dan sumbangan yang berterusan dalam bidang akademik dan pengurusan, maka tidak hairanlah beliau amat disegani dalam setiap disiplin yang diceburi.

30



TAHNIAH DR. MANSOR BIN JUSOH, penerima anugerah Profesor Emeritus UKM pada Majlis Konvokesyen UKM yang ke-51 baru-baru ini.

PERSATUAN PESARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PPM 017-10-22092010)/PAWE UKM
 Pos Mel : Aras 1, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor
[url:www.ukm.my/pesara/](http://www.ukm.my/pesara/); FB – Persatuan Pesara UKM; email : pesara@ukm.edu.my

Majlis Sanjungan Budi Pesara UKM 2023

5 Dis., 2023 di DECTAR, UKM



Majlis Sanjungan Budi Pesara UKM 2023 bagi meraikan pesara UKM 2023. Pada majlis tersebut juga dilancarkan Kad Pesara UKM yang terbaru. Persatuan juga telah di undang untuk membuat persembahan juga mengambil kesempatan mempamerkan hasil usaha salah seorang ahli pesara dalam membuat madu lebah. Peluang pada majlis ini Persatuan juga dapat menambahkan bilangan ahli.

PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

SUARA HATI PENGERUSI PAWE@UKM (Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin)

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh

PAWE@UKM ialah Pusat Aktiviti Warga Emas yang ditempatkan di UKM. Pusat ini menjalankan aktiviti harian di dalam komuniti setempat, intergenerasi dan interaksi. Ia tidak dikhurasukan kepada warga Pesara UKM semata-mata tetapi juga kepada warga emas komuniti setempat. PAWE@UKM ditubuhkan dalam Parlimen Bangi. Ia mendapat sokongan dan bantuan kewangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak Pengurusan UKM menyediakan tempat untuk menjalankan operasinya kepada Persatuan Pesara UKM. PAWE@UKM merupakan salah satu aktiviti di bawah Persatuan Pesara UKM.

Aktiviti PAWE@UKM juga mendapat bimbingan daripada Pusat Penuaan Sihat dan Kesejahteraan (H-Care), Fakulti Sains Kesihatan, UKM dan Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PSITRA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Aktiviti di PAWE melibatkan 5 Dimensi Penuaan:

1. Penuaan Positif
2. Penuaan Sihat
3. Penuaan Aktif
4. Penuaan Produktif
5. Penuaan Menyokong

Kerajaan telah memaklumkan dalam Sidang Parlimen baru-baru ini bahawa aktiviti PAWE@UKM berfokuskan Kesihatan Warga Emas. Program yang telah dijayakan antaranya:

- Majlis Khatam AlQuran dan Majlis Pertemuan Mesra Kumpulan Baca Yasin/Kahfi on line.
- Ceramah Amalan Pemakanan Sihat Sepanjang Hayat.
- Kursus ‘Right Diet for you’. Pilot Aperantis Usahawan
- Forum Kebajikan, Keperluan Anda, Keperluan Kami.
- Walkaton Warga Emas di Taman Tasik Cempaka.
- Bengkel Inisiatif dan Pengiktirafan untuk Jaminan Kualiti Makanan
- Ahli Panel Forum di MyAgeing bertajuk, Cabaran Fasiliti dan Teknologi
- Warga Emas Abad ini.
- Seminar bertajuk:Nak Diet Apa Patut Saya Buat.
- Kursus Pencegahan Dimensia: Memahami dan Mencegah
- Kursus Pencegahan Dimensia: Aktiviti Fizikal dan Senaman.
- Kursus Pencegahan Dimensia: Pemakanan Sihat Untuk Cegah Dimensia.
- Kursus Pencegahan Dimensia : Gim untuk Minda Otak.
- Kursus Pencegahan Dimensia: Psikososial dan Spiritual Kemahiran Dahan Tahan (Resilient).
- Bengkel Penulisan Puisi dan Keterlibatan Pada Malam Kemerdekaan di Pentas UKM: Bacaan Syair “Balada Malaysia Merdeka” dan bacaan sajak serta nyanyian “Malaysia Merdeka”.
- Program Rutin, Ziarah Kasih/Jejak kasih
- Program 10K Langkah berserta mengutip sampah dan Senam Robik Warga Emas di Taman Tasik Cempaka. Diadakan pada setiap pagi Ahad dan Rabu.
- Program Dimensi Produktif: Bengkel Penghasilan Sambal Ikan Bilis, Penanaman Serai Wangi, dan Lawatan Sambil Belajar di Hamdan’s Kitchen dan Saloma Anggur.
- Konvensyen Warga Emas, Sempena Hari Warga Emas Selangor di IDCC, Shah Alam Selangor pada 27. 11. 2023. PAWE@UKM telah mempromosikan hasil keluarannya dengan jenama PAWE, seperti madu lebah, kuih muih dan sambal ikan bilis.

Saya mengharapkan PAWE@UKM dapat menarik lebih ramai ahli terlibat dalam setiap program yang kita jalankan pada masa hadapan. Segala program dan aktiviti yang diatur melibatkan berbagai corak: Keagamaan, riadah, keilmuan (ceramah dan bengkel), kesihatan, lawatan sambil belajar, pemakanan, ziarah. Aktiviti-aktiviti tersebut banyak memberikan faedah kepada kehidupan para ahli dalam menghadapi hari tua agar tidak kesunyian, sentiasa aktif minda dan fizikal dan sentiasa bersosial tidak menyendiri.

Semoga pada tahun 2024 yang tidak lama lagi menemui kita semua, segala program dan aktiviti yang diatur akan lebih menarik. Insya Allah!

Sekian, Terima Kasih.

**AJK PAWE
2023-2025**



Duduk dari kanan : *Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhammad Yahaya; Abd. Rahman Madon (Setiausaha – sehingga Julai 2023: digantikan oleh Dato' Harun Bintang – tiada dalam gambar); Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin (Pengerusi); Dr. Sumaiyah Mat (Bendahari); Prof. Dr. Suzana Shahar (Penasihat 2)*

Berdiri dari kanan : *Che Rus Pin (Penyelia); Dr. Misran Rokimin; Dr. Kaswandi Md. Ambia; Dr. Amran Ab. Majid; Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi; Salmah Kasmani; Dr. Zaliha Harun (Penolong Penyedia; Puan Hamimah Muhamad Taib(wakil KKM)*

Tiada dalam gambar :

Ir. Ishak Arshad (Timbalan Pengerusi); Abd. Talib Harun; Prof. Madya Dr. Zahara Abdul Manaf; Prof. Dr. Devinder Kasur Ajit Singh; Prof. Madya Dr. Arimi Fitri Mat Ludin.



PROGRAM 10.000 LANGKAH
 

jom kita melangkah
setiap Rabu dan Ahad
jam 8.30 pagi
TASIK CEMPAKA



Sambil melangkah sambil mengutip sampah.



Adun Sg. Ramal YB Mazwan juga turut hadir.



Program Ceramah Makanan Sihat Sepanjang Hayat Anjuran PAWE/UKM bersama Biro Muslimat Masjid Al Umm pada 15.7.23



Khas untuk warga emas, sembang-sembang berkenaan sakit sendi dan hormon 25 Julai 2023 jam 9.30 pagi di PAWE.

BENGKEL PENULISAN PUASI: SAJAK, PANTUN DAN SYAIR

Hasilan bengkel:

- Para peserta dikenakan menghasilkan karya yang mereka pilih (sajak, pantun, syair) setelah tamat bengkel.
- Hasil karya akan dinilai agar menjadi karya yang sempurna.
- Karya yang baik akan dideklarasikan oleh penulisnya pada malam sambutan Hari Kemerdekaan (waktu, tarikh dan hari akan ditentukan kemudian).
- Kemungkinan karya-karya tersebut akan diterbitkan di bawah PAWE.

Penyertaan: Ahli Pesara / PAWE@UKM

Penyertaan adalah PERCUMA
Makanan & minuman disediakan

Tarikh: 15 Ogos 2023

Waktu: 9.00am - 12.00pm

Tempat: Bilik Mesyuarat PAWE Tingkat 5, Kolej Keris, UKM

Sebarang pertanyaan penyertaan, hubungi Hj Che Rani (013-7564919)

PAWE UKM

Photo of participants seated around tables during the workshop.

Photo of a group of participants posing for a group photo.

Ternakan Madu



Sempena Program Pemerkaan Organisasi Dalam Komuniti@KPWK, 11 Ogos 2023 di Dewan Kelab Komuniti, Taman Tasik Cyberjaya yang disempurnakan oleh YB Dato Sri Hajah Nancy Shukri, Mengeri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. PAWE UKM telah membuka

booth mempromosikan madu lebah dari Resort Laman Rindu Sg Bill Slim River Perak #FB lamanrindusbill yang diusahakan oleh ahli PAWE UKM Sdr. Hasnan Musa (013 2552641).



PRA-PERSIDANGAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SECARA ATAS TALIAN

Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengadakan Pra-Persidangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Secara Atas Talian untuk Persidangan PAWE Tahun 2023, Sempena Hari Warga Emas 2023. Objektif program adalah bagi membincangkan pencapaian Resolusi PAWE tahun 2021 dan pembentukan Resolusi PAWE 2023 — 2030 yang akan dibawa semasa Persidangan, termasuk isu semasa seperti cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas. Program tersebut akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh: 5 September 2023 (Selasa)

Masa: 10.00 pagi – 1.00 petang

Platform: Aplikasi Google Meet

meet.qooqle.com/eyg-fzfx-zwg

Bengkel Dokumen Pelaporan PAWE dan Latihan (TOT) Sistem e-Warga Emas(eWE) – 6 & 7 September 2023

Program Citra Minda Intergenerasi Tahun 2023

⌚ Tarikh : 9 September 2023

⌚ Masa : 8.00 pagi - 2.00 petang

⌚ Tempat : Dewan Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh

Festival Penuaan Aktif di Taylor's University

⌚ Tarikh : 23 September 2023 (Sabtu)

⌚ Masa : 8.00 pagi - 4.00 petang

⌚ Tempat : Universiti Taylor

⌚ Jumlah Peserta : 100 orang

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS

7 Oktober 2023

Taman Tasik Cempaka





LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE HAMDAN KITCHEN GARDEN
9 Nov., 2023



Tempat-tempat lawatan antaranya :

- Masjid Al UMM
- Masjid Terapung Bagan Datok
- Ladang Angur Saloma Lekir

Perak

Di kesempatan lawatan sambil belajar, ahli rombongan sempat membuat kunjungan ziarah kasih anakanda Al Hafiz Harussaini (anak saudara Hasnan) yang

masa ini masih
koma kerana
kemalangan jalan
raya tahun lepas.
Semoga beliau cepat
sembuh.



MAKLUMAT UMUM



Permohonan Tuntutan Perjalanan Bagi Tujuan Rawatan Perubatan Di Hospital Bagi Pesara2 Perkhidmatan Awam

Rujuk Borang
JPA.BP.UBAT. B04.

Kemudahan bagi pesara yang membuat rawatan di Hospital.
Dukumen2 berikut hendaklah di'photostat' serta dilampirkan :

1. Surat 'Arahan Doktor'. Contoh rujuk ke IJN
2. Slip kehadiran.
3. Kad Pesara.
4. KP Isteri.
5. KP Pesara.
6. Resit Tol.
7. Penginapan -

Sertakan Resit Hotel jika melebihi 25 km.

Jika kurang, boleh tuntut Elaun Perjalanan sahaja.

Jika perlu penerangan lanjut, telefon nombor di bawah
dan borang boleh dimuat-turun di laman web :

www://kwap.gov.my

8. Borang Lengkap hantar kpd alamat:-
Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).
Aras 1, Sky Tech Tower 2,
MKN Embassy Techzone,
Jln Teknokrat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya,
Selangor.

No.Tel: 03-88878777



PERMOHONAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH

- Waris/bagi pesara kerajaan yang telah meninggal dunia boleh membuat permohonan Bantuan Mengurus Jenazah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam ([JPA](#)).
- Waris/bagi pihak pesara kerajaan yang layak memohon bantuan ini adalah mereka yang meninggal pada 15 Oktober 2010 atau pada tarikh selepasnya termasuk pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, Awam Negeri, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan pesara Skim [KWSP](#).
- Pemberian Bantuan Mengurus Jenazah ini diharap dapat meringankan bebas waris/bagi pihak pesara kerajaan terbabit dalam menguruskan jenazah mereka yang meninggal dunia.

Sebarang pertanyaan boleh berurusan dengan

Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP).

Aras 1, Sky Tech Tower 2,
MKN Embassy Techzone,
Jln Teknokrat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya,
Selangor.

No.Tel: 03-88878777



SUDUT KESIHATAN



PROF. DATO' DR. IBRAHIM BIN JANTAN
INSTITUT BIOLOGI SISTEM (INBIOSIS) UKM

AG CERA SEBAGAI PELENGKAP MAKANAN HARIAN YANG MUDAH DAN CEPAT?

AG Cera merupakan makanan untuk mereka yang ingin melengkapkan nutrisi dalam badan. Yang mana hari ini ramai orang makan hanya untuk kenyang tanpa dia tidak fikirkan tentang nutrisi yang diperlukan oleh badan itu cukup ataupun tidak.

Apabila nutrisi badan kita cukup, badan sebenarnya akan buat proses pemulihan sendiri tanpa kita sedar. Apabila badan tidak cukup nutrisi, itu yang menyebabkan badan senang dapat penyakit terutama golongan bertambah usia

Jadi AG Cera ni bukan la ubat-ubatan atau makanan tambahan. Tetapi hanya makanan yang dianggap sebagai SUPERFOOD dan telah mendapat kelulusan dari KKM dalam Penjualan AG Cera ini sebab tu AG Cera dah sampai 34 buah negara termasuk Singapura, Brunei , Amerika dan hampir seluruh negara Afrika , Ag Cera mempunyai sijil diiktiraf dunia iaitu FDA.

Di dalam AG Cera ni, ada 8 bahan yang sangat tinggi dengan ANTIOKSIDAN DAN ANTI RADANG.

1. Ceramosides
2. Hytolive
3. Sakura Extract
4. Curcumin
5. Gymnema Sylvestre
6. Pomegranate
7. Mixed Berries
8. White Peach

Disclaimer: Nutrisi AG Cera tidak mencegah dan merawat tetapi bila hadir nutrisi di atas, membantu badan menjalankan proses self-healing, self-recovery & self-rejuvenate

www.agnutrition.my

#AGNutritionInternational

#AGNutrition #Transformingpeople #Health #wellbeing #AGCeraOriginal #AGCeraMalaysia

#AGNutritionInternational

[11:27, 07/09/2023] +60 19-250 1468: Apa fungsi logoni ye



Logo MeSTI, GMP dan HACCP

Pernah tak anda pergi ke pasar raya atau kedai runcit dan meneliti label yang terdapat pada setiap bungkusan makanan? Dan akhirnya anda akan terlihat logo seperti **MeSTI, GMP dan HACCP** pada bungkusan makanan tersebut.

Untuk pengetahuan anda, logo tersebut dikeluarkan oleh **Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia** kepada pengusaha kilang makanan yang telah memiliki Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) berdasarkan **Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009**.

Sudah semestinya produk yang mempunyai logo **MeSTI, GMP dan HACCP** telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia!!

Oleh itu, jadilah pengguna yang bijak sebelum membeli makanan. Teliti semula label pada produk makanan dan pastikan ianya memiliki pensijilan **MeSTI, GMP dan HACCP** sebelum membeli.

Ada terdapat dokumennya betul tetapi masalahnya adalah testimoni dan dakwaan jurujual terutamanya dlm media sosial tidak mengikut syarat yg ditetapkan oleh pihak2 berwajib.

Produk AG Cera didaftar sebagai functional FOOD dan bukan suplement kesihatan di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM. Sekiranya suplemen kesihatan, produk perlu didaftar di NPRA, KKM. Ia adalah makanan yg tidak boleh ada dakwaan (claims) boleh mencegah atau merawat penyakit. Tetapi apa yg berlaku dlm pemasaran produk (seperti produk2 herba dan kesihatan yg lain), terutama di media sosial, ia boleh mencegah dan merawat penyakit serius.

KHASIAT UBI KAYU

UBI KAYU termasuk daunnya dimakan sebagai sumber nutrien dan tenaga kerana kaya dgn sumber karbohidrat, protein, serat makanan utk membantu sistem penghadaman, mineral yg baik termasuk vitamin terutama Vit C dan forlat. Ia ada kesan membantu menguatkan sistem imun kerana kandungan Vit C.

Kajian awal kesan ubi dan daun ke atas sel dan haiwan menunjukkan ia ada kesan antioksidan, anti-radang dan antikanser terutamanya kerana kehadiran sebatian amygdalin dan linamarin. Tetapi belum ada lagi kajian keberkesanan bukti klinikal ke atas manusia.


Ubi kayu mengandungi dua sebatian yang berpotensi toksik: glukosida sianogenik dan linamarin. Sebatian ini boleh membebaskan sianida apabila tertelan secara tidak betul atau dalam kuantiti yang banyak. Kaedah penyediaan yang betul, seperti mengupas, merebus, dan menapai, boleh mengurangkan kandungan sianida dengan ketara dan menjadikan ubi kayu selamat untuk dimakan.

Ketoksikan boleh berlaku jika ubi kayu tidak disediakan dengan betul, membawa kepada keracunan sianida. Beberapa gejala keracunan sianida termasuk pening, sakit kepala, loya, dan dalam kes yang teruk, lumpuh dan juga kematian. Adalah penting untuk mengikuti kaedah memasak yang betul dan mengambil ubi kayu secara sederhana untuk mengelakkan ketoksikan.

Selain itu, individu yang mempunyai keadaan perubatan tertentu, seperti penyakit buah pinggang atau masalah tiroid, mungkin perlu berhati-hati untuk mengambil ubi kayu kerana kandungan kaliumnya yang tinggi.

Jangan mudah menerima maklumat dari sumber yg tidak berautoriti. Minta nasihat yg betul dari profesional penjagaan kesihatan atau pakar pemakanan.

PENERBITAN TERKINI



Penulis : Prof. Emeritus Dr. Abdul Latiff Mohamad (Botani & Biologi Pemuliharaan)

Halaman : 363 ms

Jenis Kulit : Lembut

ISBN : 9789672519607

Harga : RM 60.00 dan boleh didapat di Penerbit UKM

Hasrat untuk menulis suatu memoir peribadi telah mulai bercambah pada mindaku beberapa tahun sudah, semenjak aku bersara daripada perkhidmatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Walau bagaimanapun, suasana, keadaan dan masa tidak mengizinkanku berbuat demikian secara serius. Sepuluh tahun telah berlalu hanya pada

2 Julai 2014 sempena kontrakku tamat di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), UKM aku telah bernekad bersungguh-sungguh untuk menulis dan menyelesaikan suatu memoir yang menulis sejarah kerjaya akademikku dalam bidang sains botani selama aku berkhidmat di menara gading kebangsaan ini. Sebenarnya aku telah lama teruja untuk menulis memoir ringkas ini setelah aku selesai membaca memoir pertama yang ditulis oleh warga universiti iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Salleh Lamry daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusia (FSSK) yang bertajuk "Memoir Mohamad Salleh Lamry - Guru Melayu Terakhir" yang diterbitkan pada tahun 2009.

Secara kebetulan Mohamad Salleh Lamry adalah jiranku, aku tinggal di Taman Sahabat dan beliau di Taman Bangi, Jalan Reko, Kajang, dua taman perumahan yang bersebelahan. Kemudian aku telah pula membaca memoir Dr. Hailani Muji Tahir daripada Fakulti Pengajian Islam yang bertajuk "Memoir Hailani Muji Tahir - Jejak Lang Menuju Puncak" yang diterbitkan pada tahun 2013. Aku tidak mengenali dan tidak pernah berjumpa dengan beliau walaupun kami berada di universiti yang sama buat beberapa tahun. Kedua-duanya telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggambarkan sejarah dan perjalanan kerjaya akademik masing-masing yang berbeza tetapi sangat menarik kandungannya.

Aku sangat kagum dengan cara kedua-dua memoir itu telah ditulis dan selepas memoir warga UKM itu diterbitkan, ketandusan penulisan memoir dalam kalangan warga akademik di UKM mulai terjelma walaupun aku telah membaca beberapa memoir biografi lain yang ditulis oleh penulis lain mengenai kerjaya warga universiti. Sebenarnya Dr. Mohd. Salleh Lamry telah juga tulis biografi arwah Dr. Ishak Saari, mantan rakan daripada Fakulti Ekonomi.

Walau bagaimanapun, sedang aku rancak menulis memoir ini aku telah dimaklum sendiri oleh rakanku daripada Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong bahawa beliau juga sedang menulis memoirnya tetapi sentiasa tergendala oleh tugas seharian lain dan juga hal ehwal keluarga. Pada tahun 2018, aku telah dimaklumkan bahawa dengan diam-diam Prof. Emer. Dator Mohd. Zawawi Ismail mantan Dekan, Fakulti Sains di kampus Jalan Pantai Baru, mantan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan mantan Timbalan Naib Canselor UKM telah menulis memoirnya, tetapi dalam Bahasa Inggeris yang bertajuk "Defining Moment Memoir" dan telah diterbitkan pada tahun 2019. Sementara aku menunggu memoir lain diterbitkan aku telah berusaha untuk menyelesaikan memoirku terlebih dahulu. awal tahun 2021.

SUDUT SENI

Malaysia Merdeka

Kembara pulangku
Imbau kehidupanku
Bahtera Merdeka ku
Lagu terangi celaru

Bendera negara
Megah mewarna
Melambai menari
Gantian bendera parti

(Chorus: 3 dan 5)

Terdetik kini rasa bahgia
Meluap kini rasa bangga
Pilihan sudah terlaksana
Peti undi sebagai tanda

Diingini pembuktian
Jiwa kita yang merdeka
Santuni Perlembagaan
Junjungi Rukun Negara

Sehaluan cita memara
Dalam perjuangan bangsa
Buat kita Malaysia berjaya
Buat semua Malaysia Merdeka

(Buat kita Malaysia Berjaya
Buat semua Malaysia Merdeka
Ooo Malaysia Merdeka
Ooo Malaysia Merdeka)

(bantuan editan, tunjuk ajar fasilitator Bengkel Puisi PAWE, Dr. Noriah Mohamed (Kak Nong) dan Dr. Misran Rokimin).

Nota:

Sajak ini hasil tulisan Dr. Zaidi, hasil Bengkel Penulisan Puisi: sajak, pantun dan syair 22.8.2023 di Pejabat PAWE, Tingkat 5, Kolej Krismas UKM. Sajak ini telah dipersembahkan dalam bentuk deklamasi dan nyanyian. Pendeklamasi Dato' Dr. Wahid Samsuddin dan kemudian dinyanyikan oleh penulisnya Dr. Zaidi dengan beliau sendiri memetik gitar. Ia dipersembahkan pada malam Diambang Merdeka pada 30 Ogos 2023 - Malam Rabu 2023 di Panggung Seni UKM - sila lihat Buletin hal. 16 - 17).

Sidang Editor Buletin

Dr. Misran Rokimin

Puan Salmah Kasmani

AJK Penerbitan

Dr Misran Rokimin (Ketua)

Dato' Harun Bintang

Puan Salmah Kasmani